

# Kos pendidikan tinggi dijangka naik

SINAR HARIAN

24/06/2019

MIS 09

## SHAH ALAM

Ramai dalam kalangan masyarakat sebenarnya tidak mengetahui dan menyedari bahawa kerajaan telah menanggung sejumlah kos yang besar dengan memberikan subsidi terutama untuk yuran pengajian di universiti awam. Berikut diberikan beberapa senario mengikut program pengajian:

PROGRAM	PURATA KOS SEORANG PELAJAR SETAHUN (RM)	YURAN PENGAJIAN SETAHUN (TERMASUK YURAN KOLEJ KEDIAMAN) (RM)	SUBSIDI KERAJAAN KEPADA PELAJAR (RM)
Doktor Perubatan	61,620.00	4,789.00	56,831.00
Bachelor Sains (Sains Bioperubatan)	25,207.00	4,409.00	20,798.00
Bachelor Sains Pembangunan Manusia	25,207.00	4,209.00	209,998.00
Bachelor Ekonomi	19,848.00	4,189.00	15,659.00
Bachelor Kejuruteraan (Awam)	27,098.00	4,489.00	22,609.00
Bachelor Pendidikan (TESL)	19,848.00	3,989.00	15,859.00

Ibu bapa haruslah mempunyai tabungan pendidikan buat anak-anak sejak dari awal lagi memandangkan kos yuran pengajian tinggi melambung mahal pada masa hadapan.

Timbalan Dekan (Pengajian Siswazah & Jaringan Industri & Masyarakat), Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohamad Fazli Sabri berkata, dengan mengambil contoh pengiraan berdasarkan program pengajian dalam bidang sastera iaitu sains sosial termasuk ekonomi, berlaku peningkatan sangat besar di universiti awam dan juga institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Menurutnya, kos keseluruhan yuran pengajian di universiti awam bagi tempoh empat tahun pengajian dalam masa 10 tahun akan datang dengan kadar inflasi sebanyak empat peratus dan andaian keluarga akan membiayai sebanyak 10

peratus kos pengajian menggunakan simpanan sendiri meningkat daripada RM18,000 kepada RM28,286.

"Kos yuran pengajian untuk setahun pengajian (dua semester) di universiti awam pula dijangka meningkat dari RM4,500 kepada RM6,661," katanya kepada *Sinar Harian*.

Fazli yang juga Pakar Kewangan Pengguna berkata, bagi kos pengajian di IPTS pula, kos keseluruhan yuran untuk tempoh tiga tahun pengajian dalam masa 10 tahun akan datang dengan kadar inflasi sama, dijangka meningkat daripada RM44,000 kepada RM55,449.

Menurutnya, kos yuran

pengajian untuk setahun pengajian (dua semester) di IPTS dijangka meningkat dari RM12,000 kepada RM17,763.

"Yuran pengajian di universiti awam dan IPTS juga akan berbeza dari segi jumlah mengikut program pengajian sama ada sastera, sains gunaan, sains tulen, teknikal dan perubatan.

"Berdasarkan analisis mudah sebelum ini menunjukkan kos pendidikan tinggi dijangka meningkat dan ini sudah pastinya memberikan bebanan kepada keluarga terutama mereka yang tidak membuat perancangan awal dan sistematik," kata beliau.

Fazli menegaskan yuran pengajian tinggi di univer-

siti awam sekitar RM4,500-RM5,000 setahun tidak mengambil kira subsidi kerajaan kepada pelajar dan jumlah keseluruhan bagi tempoh empat tahun pengajian antara RM18,000 sehingga RM20,000.

"Relatifnya yuran pengajian tinggi di IPTS jauh lebih tinggi iaitu antara RM12,000 dan RM18,000 setahun dan jumlah keseluruhan dibiayai untuk tempoh tiga tahun pengajian adalah RM44,000 sehingga RM72,000," kata Fazli.

Malah menurutnya, terdapat IPTS yang menawarkan program misalnya farmasi untuk tempoh empat tahun pengajian dengan mencecah RM130,000.

"Ini kerana kos untuk



MOHAMAD FAZLI

mendapatkan pendidikan tinggi melibatkan beberapa jenis yuran dan bayaran.

"Yuran dan bayaran terlibat adalah yuran tidak berulang (dibayar sekali sahaja bagi pelajar baharu), yuran berulang setiap semester, yuran pelajaran mengikut bidang dan bayaran asrama.

"Yuran tidak berulang biasanya dikenakan untuk pelajar baharu mendaftar di mana bayaran meliputi yuran daftar, tabung kebajikan pelajar, bayaran pelbagai, yuran komputer, yuran kenderaan, yuran alumna, yuran suai kenal dan yuran pemeriksaan perubatan.

"Seterusnya, pelajar perlu melunaskan yuran

berulang setiap semester meliputi bayaran insurans pengangkutan, makmal kesihatan, kad makanan, perpustakaan, kokurikulum dan kolegiat," jelasnya.

Beliau berkata, masyarakat kini juga masih tidak sedar dalam yuran pengajian tinggi, kerajaan telah menanggung sejumlah kos yang besar dengan memberikan subsidi terutama untuk yuran pengajian di universiti awam.

"Sebagai contoh bagi program doktor perubatan purata kos seorang pelajar setahun ialah RM61,620. Yuran pengajian setahun termasuk yuran kolej kediaman ialah RM4,789. Subsidi yang dibayar kerajaan ialah RM56,831.

"Bagi mengatasi perbezaan ketara dengan kos pengajian IPTS, disarankan pihak kerajaan terutama Kementerian Pendidikan berbincang dengan pihak pengurusan universiti awam dan IPTS bagi mencari kaedah terbaik agar peningkatan yuran pengajian tidak membebankan pelajar dan keluarga," katanya.

# Sukar untuk memberi pendidikan tinggi percuma

SHAH ALAM - Peningkatan kos pendidikan tinggi, jumlah *enrolmen* yang bertambah dan hasil cukai rendah di negara ini menyebabkan kerajaan sukar menyediakan pendidikan pengajian tinggi secara percuma.

Dekan Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan Universiti Utara Malaysia, Prof Dr Russayani Ismail berkata, kerajaan perlu meningkatkan sumber hasil bagi memungkinkannya hasrat pendidikan percuma dilaksanakan oleh kerajaan.

Kata beliau, di negara-negara Eropah yang mengamalkan pendidikan percuma, kadar cukai pendapatan yang dikenakan adalah jauh lebih tinggi.

"Jika pelajar hendak mendapat pendidikan percuma, rakyat mesti bersedia membayar lebih banyak



RUSSAYANI

melalui cukai. Dengan rejim cukai pendapatan rendah di negara ini adalah sukar untuk menyediakan pendidikan percuma.

"Ada beberapa negara yang sebelum ini menyediakan pendidikan percuma bergerak ke arah pengenaan yuran," katanya kepada *Sinar Harian* baru-baru ini.

Russayani berkata, masyarakat harus menyedari kriteria penting dalam sesebuah pengajian tinggi apabila konsep itu mempunyai pulangan awam dan juga peribadi.

Bagaimanapun katanya, ramai dalam kalangan ibu bapa golongan pendapatan sederhana (M40) merungut kerana mereka ialah golongan yang tidak menerima bantuan.

"Di Australia misalnya, pemberian pinjaman tidak disandarkan

kepada kemampuan ibu bapa tetapi pelajar. Bermaksud negara itu tidak mengambil kira pendapatan ibu bapa untuk pelajar meminjam.

"Mungkin Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) boleh melihat dari sudut ini.

"Graduan yang bertanggungjawab ke atas pinjaman dan bukannya ibu bapa mereka. Boleh kenakan potongan gaji melalui majikan, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan sebagainya," katanya.

Russayani berkata, mekanisme pembayaran balik PTPTN sememangnya wajar diperhalusi bagi menjayakan langkah pemberian pinjaman kepada pelajar tanpa mengira pendapatan ibu bapa tetapi melihat kepada tanggungan.

Auditor Pertubuhan Pembangunan Penyelidikan dan Dasar Pendidikan Tinggi Malaysia itu berkata, bagi pembiayaan di universiti awam, kerajaan sebenarnya menanggung subsidi antara 90 hingga 95 peratus bagi kos sebenar.

## Info pendidikan di dunia

- Mengikut statistik sehingga 31 Januari tahun ini, negara memiliki 20 universiti awam, 53 universiti swasta (termasuk kampus cawangan luar negara), 38 universiti kolej (termasuk kampus cawangan luar negara) dan 350 kolej dengan jumlah keseluruhan 461 IPT.

### Gaji purata ibu bapa:

- Kumpulan B40 (purata bulanan bawah RM3,860)
- Kumpulan M40 (purata bulanan antara RM3,860 hingga RM8,319)
- Kumpulan T20 (RM8,319 dan ke atas)

Sumber: Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2017

- Antara negara yang melaksanakan pendidikan tinggi percuma termasuklah Norway, Finland, Sweden, Jerman, Slovenia dan Perancis. Bagaimanapun, pelajar masih perlu membuat bayaran untuk pentadbiran. Jangan terkejut, kerana ada negara yang turut mengecualikan yuran pendidikan kepada pelajar dari luar negara.

### Negara paling mahal pendidikan universiti berdasarkan peratusan gaji yang dibelanjakan untuk bayaran yuran pengajian (2015)

1. Hungary - RM117,624 (92%)
2. Estonia - RM133,154 (76%)
3. Chile - RM81,828 (73%)
4. Malaysia - RM62,410 (55%)
5. Amerika Syarikat - RM318,340 (53%)
6. Ukraine - RM80,450 (52%)
7. Lithuania - RM82,907 (48%)
8. Britain - RM139,730 (36%)
9. Singapura - RM122,769 (36%)
10. Jepun - RM83,233 (18%)

Sumber: independent.co.uk